

## KENYATAAN TAWARAN TENDER DAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada **kontraktor-kontraktor bumiputra yang berdaftar serta berkelayakan seperti berikut** :-

Bil	Tajuk Kerja	Harga Dokumen	Kelayakan	Taklimat & Lawatan Tapak	Tarik Tutup
1	Cadangan Membina Dan Menyiapkan Projek Penyambungan Persimpangan Kinrara Utara dari Lebuhraya Shah Alam ke Jalan Klang Lama	<b>RM500.00 TENDER</b>	Berdaftar dengan <b>CIDB G7</b> Dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam <b>Kelas A</b>  Kepala I Sub-Kepala 1 & 2  Kepala IV Sub-Kepala 1&3(b)	Tarikh: <b>27/4/2009</b> Jam : <b>9.30 pagi</b>  <u>Tempat:</u> Bilik Auditorium, Ibu Pejabat, LLM, KM 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor Tel: 03-87373000	<b>12/5/2009</b> Jam: 12.00 tgh
2	Cadangan Kerja-Kerja Senggaraan Dan Pembaikan Kecil Di Pejabat Wilayah Selatan, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Senai, Johor Darul Takzim (2009-20011)	<b>RM100.00 S/HARGA</b>	<b>i) Kem. Kewangan</b> 220401 dan 220402	Tarikh: <b>28/4/2009</b> Jam : <b>10.00 pagi</b>  Tempat: Bilik Mesyuarat, Pejabat Wilayah Selatan, LLM, 81400 Senai Johor Darul Takzim Tel: 07-5991735	<b>7/5/2009</b> Jam: 12.00 tgh

1. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi **di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak Ibu Pejabat, Lembaga Lebuhraya Malaysia, KM 6 Jalan Serdang Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan** mulai/pada **23/4/2009** hingga **4/5/2009** pada waktu seperti berikut:-

Isnin hingga Khamis	-	8.30 pagi hingga 12.30 tgh
	-	2.15 ptg hingga 4.30 ptg
Jumaat	-	8.30 pagi hingga 12.00 tgh
	-	3.00 ptg hingga 4.30 ptg

Bagi tajuk **kerja bil. 2** dokumen tawaran juga boleh dibeli semasa taklimat diadakan di Pejabat Wilayah Selatan.

2. Bagi tajuk **kerja bil. 1**, sila bawa **SIJIL ASAL** dari **CIDB** dan **SIJIL ASAL** dari **PKK** yang masih berkuatkuasa serta **satu salinan pendua sijil-sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini.
3. Bagi tajuk **kerja bil. 2**, sila bawa **SIJIL ASAL** dari **Kementerian Kewangan**, **SIJIL ASAL Pengiktirafan Taraf Bumiputra** dari **Kementerian Kewangan** dan **SIJIL ASAL** dari **CIDB** serta satu salinan pendua sijil-sijil berkenaan untuk simpanan dan rekod pejabat ini
4. Taklimat Tender dan Lawatan Tapak adalah **diwajibkan** kepada semua petender yang menyertai tawaran tender ini. Mana-mana petender yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak akan dipertimbangkan untuk menyertai tawaran tender ini.
5. Bayaran dokumen adalah seperti di atas setiap satu dan tidak dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat atas nama **Ketua Pengarah LLM** dengan menggunakan **Bank Draf/Wang Pos/Kiriman Wang**. Bayaran secara tunai tidak akan diterima.
6. Tawaran Tender hendaklah sampai selewat-lewatnya pada atau sebelum jam **12.00 tengahari**, pada tarikh tutup tender seperti yang dinyatakan di atas **di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Ibu Pejabat LLM, KM 6 Jalan Serdang Kajang, 43000 Kajang, Selangor.** Tender-tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
7. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tender.